

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO) 23 OGOS 2013

Arahan kepada calon-calon:

1. Sila tulis bilangan index awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:
Bahagian A : 30 Soalan Objektif
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila jawab:
Bahagian A : Semua Soalan
Bahagian B : 7 Soalan sahaja
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

SEMOGA BERJAYA

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi 30 soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan dan setiap soalan mempunyai satu(1) markah

1. Pusingan atau Proses Pelaksanaan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang teratur ada enam (6). Pusingan Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat adalah Pembentukan Jawatankuasa, Penggubalan dan Promosi, Penyediaan Sistem Pemulihan Perkhidmatan, . Pusingan yang seterusnya adalah :
 - a. Penilaian dan Penambahbaikan : Pemantauan
 - b. Pemantauan : Penilaian dan Penambahbaikan
 - c. Pemantauan : Rebiu dan Penilaian serta Penambahbaikan
 - d. Perancangan, Implementasi dan Rebiu

2. Seorang pegawai yang masih di dalam tempoh percubaan boleh ditamatkan lantikannya jika tidak memenuhi syarat yang ditetapkan. Salah satunya adalah pegawai itu tidak disokong untuk ditetapkan dalam jawatan oleh Ketua Jabatannya. Apakah syarat lain yang membolehkan pegawai ini ditamatkan lantikannya ?
 - a. Tidak lulus peperiksaan-peperiksaan yang ditentukan dalam Skim Perkhidmatannya
 - b. Tidak memenuhi syarat Ketua Jabatannya
 - c. Kedatangan dan kehadiran bekerja tidak memuaskan
 - d. Tidak lulus temuduga bagi penetapan jawatan

3. Dengan merujuk kepada Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggai 83), ada tiga kaedah pengiklanan jawatan kosong. Salah satu kaedahnya adalah pengiklanan menurut **Bab 7 (a)**. Apakah yang dimaksudkan dengan pengiklanan di bawah bab ini ?
- a. Pengiklanan dibukakan kepada orang ramai termasuk pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan
 - ~~b.~~ Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di dalam Kementerian dan Jabatan Kerajaan itu sahaja
 - ~~c.~~ Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian dan Jabatan Kerajaan
 - d. Pengiklanan dibukakan kepada kakitangan yang berkhidmat di sektor swasta
4. Seorang pegawai dalam Bahagian III yang baru dilantik telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 3 Mei 2012. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya?
- a. 1 Jun 2013
 - b. 3 Mei 2013
 - ~~c.~~ 3 Jun 2013
 - d. 31 Mei 2013

5. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2007 menggariskan bahawa Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan dibolehkan memohon dan mengisikan kekosongan jawatan di Kementerian / Jabatan secara bergaji hari bagi lepasan Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND). Bagi tujuan dan urusan ini, Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan Gaji Hari. Di antara tugas jawatankuasa ini adalah:
- i. Memastikan calon-calon diperakukan dari segi kelulusan yang diiktiraf secara ujian bertulis dan/atau kaedah lain (jika perlu);
 - ii. Menemuduga calon-calon; dan
 - iii. Membuat rumusan/laporan lengkap hasil dari temuduga.

Sila nyatakan satu (1) lagi tugas jawatankuasa ini.

- a. Memastikan pemohon-pemohon menghadiri temuduga
- b. Memastikan pemohon-pemohon memenuhi Skim Perkhidmatan
- c. Memastikan ahli jawatankuasa menghadiri temuduga
- d. Memastikan pemohon-pemohon mengisi borang SPA/02

6. Merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012, Elaun Insentif bulanan akan diberhentikan jika pegawai-pegawai di dalam keadaan berikut :
- i. Dalam proses diambil tindakan tatatertib
 - ii. Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) seberang laut
 - iii. Sepanjang tempoh pegawai menjalani cuti tidak bergaji

Apakah satu keadaan lagi?

- a. Bertukar gelaran jawatan
- b. Mengambil cuti tahunan
- c. Bertukar ke Kementerian/Jabatan lain
- d. Naik pangkat ke Bahagian I

7. Apakah gred Penilaian Prestasi jika seorang pegawai itu mendapat penilaian 75%?
- Memerlukan Pembaikan
 - Memuaskan
 - Baik
 - Sangat Baik
8. Tatacara persuratan di antara Setiausaha Tetap dengan Setiausaha Tetap di Kementerian yang berlainan?
- Bersurat (letterhead)
 - Memorandum
 - Minit
 - Bersurat dan memorandum
9. Siapakah Penguasa Tatatertib bagi pegawai dan kakitangan dalam Bahagian V jika merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggai 83)?
- Setiausaha Tetap
 - Ketua Pengarah Perkhidmatan awam
 - Ketua Jabatan
 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

10. Tempoh keseluruhan cuti sakit yang dikeluarkan oleh klinik persendirian tidak boleh melebihi dari ?

- a. 15 hari setahun
- b. 7 hari setahun
- c. 14 hari setahun
- d. Tiada had.

11. Berapakah kadar Elaun Memangku bagi pegawai yang dibenarkan memangku satu (1) jawatan dan dikehendaki menjalankan tugasnya biasa di samping tugas-tugas yang dipangkunya menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/2008?

- a. $\frac{1}{2}$ dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
- b. $\frac{1}{3}$ dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
- c. $\frac{1}{2}$ dari gaji permulaan pegawai berkenaan
- d. $\frac{1}{5}$ dari gaji permulaan jawatan yang dipangku

12. Simbol-simbol berikut digunakan dalam menyediakan carta aliran kerja Manual Prosedur Kerja (MPK). Apakah makna simbol-simbol ini :



- a. Tindakan serentak ; tindakan
- b. Mula/tamat ; penyambung ✓
- c. Pilihan ; tindakan
- d. Tindakan ; penyambung ✓

13. Rukun Akhlah dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam mempunyai 11 ciri. Sila susun semula ciri berikut :
- a. Syura dan Bermuafakat Membawa Berkat, Setiakawan
 - b. Syura Membawa Berkat, Bermuafakat dan Setiakawan
 - c. Bermuafakat Membawa Berkat, Syura dan Setiakawan
 - d. Setiakawan, Syura dan Bermuafakat Membawa Berkat
14. Cuti Tanpa Catat hanya dibenarkan kepada pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan awam yang menyertai aktiviti atau kegiatan yang mewakili negara. Aktiviti manakah yang tidak termasuk dalam mempertimbangkan kebenaran Cuti Tanpa Catat".
- a. Sukan, Keagamaan, Kebudayaan
 - b. Lawatan Kerja, Keagamaan, Kebudayaan
 - c. Kebudayaan, Kemasyarakatan, Kursus Pendek
 - d. Menghadiri Mesyuarat, Lawatan Kerja, Lawatan Sambil Belajar
15. Seorang pegawai mempunyai baki cuti yang terkumpul sebanyak 130 hari pada 31 Januari 2013. Berapakah kadar maksimum baki cuti yang dibenarkan menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 5/2010 ?
- a. 100 hari
 - b. 105 hari
 - c. 108 hari
 - d. 120 hari

16. Semua pegawai dan kakitangan kerajaan sebaik sahaja memulakan perkhidmatannya dikehendaki mematuhi Akta Rahsia Rasmi Bab 5 (Penggagal 153). Jika peraturan ini gagal dipatuhi pegawai dan kakitangan itu boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan :

- a. Denda tidak lebih daripada \$50,000,
- b. Denda tidak lebih daripada \$15,000,
- c. Denda tidak lebih daripada \$20,000,
- d. Denda tidak lebih daripada \$10,000

17. Berapakah kadar gaji sehari yang diberikan kepada kakitangan bergaji hari bagi yang berkelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)?

- a. \$140
- b. \$127.70
- c. \$90.45
- d. \$111.30

18. Pihak manakah yang berkuasa untuk membenarkan kenaikan Pelanjutan Mata Gaji (EB-Khas) bagi pegawai dan kakitangan kerajaan?

- a. Ketua jabatan
- b. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- d. Jurukira Agung

19. Cuti Lebih Masa adalah cuti yang diberikan untuk menggantikan waktu bekerja lebih masa (overtime). Siapakah pegawai dan kakitangan yang layak diberikan Cuti Lebih Masa?

- a. Bahagian I, II dan III
- b. Bahagian II, III, dan IV
- c. Bahagian III, IV dan V
- d. Bahagian I, III, dan IV

20. Cuti Beranak diberikan kepada pegawai dan kakitangan perempuan di dalam Perkhidmatan Awam yang sah berkahwin disisi Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Berapakah tempoh Cuti Beranak bagi pegawai dan kakitangan perempuan jika beliau mengalami keguguran sewaktu usia kandungan kurang daripada 24 minggu?

- a. 108 hari
- b. 105 hari
- c. 56 hari
- d. Hanya diberikan cuti sakit

21. Seorang pegawai telah dibenarkan untuk mendapatkan kemudahan elaun dari rumah ke pejabat. Pegawai ini menggunakan kenderaan miliknya sendiri dan jarak jauh dari rumah ke pejabatnya adalah melebihi 43.5 km. Berapakah kadar elaun yang akan diterimanya sebulan?

- a. \$49
- b. \$55
- c. \$52
- d. \$58

22. Berapakah kadar Elaun Cuti bagi seorang pegawai lelaki, yang di dalam Perkhidmatan Tetap dan di dalam tanggagaji B.2 EB.3 yang menerima gaji pokok sebanyak \$2810, kadar Elaun Cuti bagi isterinya dan anaknya yang berumur 10 tahun?

~~a.~~ \$1,750.00 : \$2,500.00 : \$850.00

b. \$1,750.00 : \$1,750.00 : \$850.00

c. \$1,750.00 : \$1,750.00 : \$875.00

~~d.~~ \$1,750.00 : \$1,120.00 : \$560.00

23. Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Dari senarai berikut, pegawai dalam bahagian manakah yang tidak termasuk untuk anugerah ini ?

a. Bahagian II

b. Bahagian III

c. Bahagian IV

d. Bahagian V

24. Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP) mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2010 dan diwajibkan kepada semua pekerja di sektor awam dan sektor swasta. Walau bagaimanapun peraturan ini ada memberi pengecualian kepada salah satu kumpulan yang disenaraikan berikut. Kumpulan manakah yang diberikan pengecualian itu ?

a. Pegawai Kontrak

b. Kakitangan bergaji hari,

c. Bekas Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang diambil berkhidmat semula dalam Perkhidmatan Awam,

d. Pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dan memegang jawatan berpencen

25. Berikut adalah senarai jawatan-jawatan yang dibenarkan untuk dibayar Elaun Memangku semasa ketiadaan mereka bagi tempoh satu (1) hari atau lebih menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/2008, perenggan 1.1. Jawatan manakah yang terkeluar dan tidak termasuk dari perenggan berkenaan dan tidak dibayar Elaun Memangku ?
- a. Setiausaha Tetap
 - b. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - c. Pengarah Jalan Raya
 - d. Peguam Negara
26. Apakah yang dimaksudkan dengan singkatan RLST dalam Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) ?
- a. Rancang ; Laksana ; Semak ; Tindakan,
 - b. Rancang ; Laksana ; Semak ; Tindakan,
 - c. Rebiu ; Lancar ; Sembahkan ; Tindakan
 - d. Rebiu ; Laksana ; Semak ; Tindakan
27. Salah satu syarat kelayakan untuk mendapatkan Pelanjutan Mata Gaji (EB Khas) adalah mempunyai Penilaian Prestasi pada tahap tertentu selama dua (2) tahun berturut-turut. Apakah tahap minimum prestasi yang diperlukan ?
- a. Memuaskan
 - b. Baik
 - c. Sangat Baik
 - d. Cemerlang

28. Apakah definisi Audit Dalaman menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 10/2003.

- a. Penilaian yang dipantau oleh Pegarah Pentadbiran, diwujudkan di Kementerian/Jabatan untuk mengukur dan menilai sistem kawalan dalaman
- b. Penilaian yang dipantau oleh Setiausaha Tetap Kementerian/Jabatan untuk mengukur dan menilai pengurusan kewangan
- c. Penilaian bebas yang diwujudkan di Kementerian/Jabatan untuk mengukur dan menilai sistem kawalan dalaman
- d. Penilaian bebas yang diwujudkan untuk menilai prestasi Kementerian/Jabatan

29. Apakah definisi Pegawai Penilai dalam sistem Penilaian Prestasi Kakitangan Perkhidmatan Awam

- a. Pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan mengawasi pekerjaan dan kesejahteraan serta menilai prestasi pegawai dan kakitangan yang di dalam bidangkuasa arahnya secara langsung
- b. Pegawai yang lebih kanan dalam Kementerian/Jabatan berkenaan yang mempunyai hubungan secara langsung dalam pekerjaan dan pengawasan pegawai dan kakitangan yang dikendalikan oleh pegawainya
- c. Pegawai dan kakitangan yang terkandung di bawah pengawasan dan arahan pegawai yang lebih kanan
- d. Ketua Jabatan

30. Kebenaran memangku akan diberikan oleh pihak-pihak tertentu mengikut taraf jawatan dan tempoh memangku. Pihak manakah yang memberi kebenaran bagi jawatan yang dipangku melebihi tempoh 180 hari **atau** bagi menilai kebolehan dan kesesuaian seorang pegawai untuk ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya?

- a. Menteri di Kementerian masing-masing,
- b. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- c. Ketua Jabatan
- d. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon dikehendaki menjawab tujuh (7) soalan sahaja daripada 10 soalan. Setiap soalan mempunyai lima (5) markah

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Perkhidmatan Kontrak
2. Cuti Beranak.
3. Asas Kenaikan Pangkat Laluan Laju (KPLL)
4. Maksud memangku perenggan 4.1 dari Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil 4/2008
5. Penetapan tarikh lahir dalam Perkhidmatan Awam
6. Tindakan Tatatertib yang boleh dikenakan kepada warga perkhidmatan awam menurut kesalahan
7. Kelakuan dalam masa bercuti
8. Caruman Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP)
9. Latihan Jangka Pendek
10. Peraturan bagi menyediakan dan mengeluarkan surat keliling.

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga(3) soalan. Calon dikehendaki menjawab dua(2) soalan sahaja daripada tiga(3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17.5 markah

SOALAN 1

Ketua Jabatan berhajat untuk mengiklankan jawatan Pegawai Kakitangan dalam tanggagaji B2EB3 di Jabatan Perkhidmatan Awam. Terdapat tiga(3) kekosongan jawatan berkenaan. Ketua Jabatan mempunyai perancangan untuk mengisikan jawatan berkenaan dengan membukakan kepada pegawai-pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, pegawai-pegawai daripada kementerian/Jabatan lain serta orang ramai. Selaku pegawai dalam Bahagian Pentadbiran Sumber Manusia, sila cadangkan perkara yang perlu dilakukan:

- a. Apakah kaedah pengiklanan yang lebih bersesuaian untuk memenuhi kehendak perancangan di atas? Terangkan kaedah pengiklanan itu. (4 1/2 markah)
- b. Selain daripada kaedah iklan di atas, terdapat dua(2) lagi kaedah pengiklanan yang masing-masing mempunyai pendekatan yang berlainan. Terangkan kedua-dua kaedah pengiklanan berkenaan (4 markah)
- c. Agensi kerajaan manakah yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengiklanan jawatan kosong? (1 markah)
- d. Selain daripada kaedah pengiklanan di a dan b, Ketua Jabatan juga dibolehkan untuk mengisikan jawatan kosong dengan membuat pengambilan secara bergaji hari menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil 2/2007. Apa yang dimaksudkan dengan pengisian pengambilan bergaji hari itu? (3 markah)
- e. Pengambilan gaji hari berkenaan hendaklah melalui Jawatankuasa Pengambilan Gaji Hari yang ditubuhkan. Sebutkan ahli Jawatankuasa Pengambilan Gaji Hari dan tugas jawatankuasa ini. (5 markah)

SOALAN 2

Kerani Tingkatan II menilai Penilaian Prestasi tahun 2012 bagi Awang Ali bin Ahmad, Kerani yang di bawah kawalannya dengan gred penilaian di tahap memuaskan (Gred D). Walaubagaimana pun Ali kurang senang dan tidak bersetuju dengan penilaian. Ali mengadu kepada Ketua Unit, Pegawai Kakitangan. Selaku Ketua Unit apa nasihat yang dapat diberikan seperti berikut:

- a) Apakah tatacara yang Awang Ali bin Ahmad, Kerani sepatutnya dibuat bagi Penilaian Prestasinya itu ? (2 markah)
- b) Apa yang diperkatakan dengan Pegawai Penilaian Semula? (3 markah)
- c) Sistem Penilaian Prestasi yang di atas dibuat dengan menggunakan konsep sistem terbuka. Dalam keadaan ini, bagaimanakah yang dikatakan konsep sistem penilaian terbuka? (6 markah)
- d) Berapakah kadar peratus dan bonus jika gred penilaian prestasinya di tahap memuaskan(D) dan setelah penilaian semula gred Penilaian Prestasi di tahap Sangat Baik (B)? (2 markah)
- e) Penilaian Prestasi pegawai dan kakitangan berperanan penting menentukan kelayakan kepada insentif tertentu. Senaraikan penyelarasan lima (5) insentif-insentif dengan sistem Penilaian Prestasi.? (4 ½)

SOALAN 3

Ahmad bin Ali, Pegawai Pertanian mula berkhidmat di Jabatan Pertanian mulai 2 Januari 2011. selepas memperolehi Ijazah BSc Agriculture di University Glasgow United Kingdom dalam Skim Dermasiswa Kerajaan dan diikatjanji untuk berkhidmatan dengan kerajaan selama lima(5) tahun. Setelah berkhidmat lebih setahun, Ahmad bin Ali berhajat untuk menamatkan perkhidmatan dengan kerajaan mulai 1 Februari 2012 dengan memberi notis penamatkan perkhidmatan satu(1) bulan. Ahmad bin Ali tidak lagi menunggu kebenaran daripada pihak tertentu dan mengambil tindakan sendiri dengan tidak lagi berkhidmat mulai 1 Februari 2012.

- a) Adakah tindakan Ahmad bin Ali menamatkan perkhidmatan memenuhi syarat ? Siapakah yang berkuasa membenarkan permohonan menamatkan perkhidmatan. Terangkan syarat syarat bagi permohonan menamatkan perkhidmatan? (5 ½ markah)
- b) Ahmad bin Ali dikira meninggalkan pekerjaannya dan dikategorikan tidak hadir bekerja tanpa kebenaran. Terangkan peranan Ketua Jabatan dengan merujuk tatacara tindakan pegawai dan kakitangan tidak hadir bekerja tanpa kebenaran. (8 markah)
- c) Kegagalan pegawai melaporkan ketidakhadiran Ahmad bin Ali akan dikenakan tindakan tatatertib. Bagaimanakah tindakan yang dimaksudkan?.(2 markah)
- d) Terangkan Penguasa Tatatertib bagi pegawai kerajaan ? (2 markah)